

**GARIS PANDUAN MAJLIS  
AKAD NIKAH MELALUI  
WAKALAH  
PENGANTIN LELAKI  
JABATAN HAL EHWAL  
AGAMA ISLAM NEGERI  
KEDAH (JHEAIK)**



## **GARIS PANDUAN MAJLIS AKAD NIKAH MELALUI WAKALAH PENGANTIN LELAKI JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH (JHEAIK)**

### **1. PUNCA KUASA**

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2008, Seksyen 7; memperuntukkan berkaitan orang yang boleh mengkadnikahkan perkahwinan.

(1) Sesuatu perkahwinan di Negeri Kedah Darul Aman hendaklah mengikut peruntukan Enakmen ini dan hendaklah diakadnikahkan mengikut Hukum Syarak oleh-

- a) wali di hadapan Pendaftar;
- b) wakil wali di hadapan dan dengan kebenaran Pendaftar; atau
- c) Pendaftar sebagai wakil wali.

(2) Jika sesuatu perkahwinan di bawah Enakmen ini melibatkan seorang perempuan yang tiada mempunyai wali dari nasab, mengikut Hukum Syarak, perkahwinan itu hendaklah diakadnikahkan hanya oleh wali Raja.

### **2. HUKUM AKAD NIKAH DAN TERIMA NIKAH MELALUI WAKALAH**

- a. Hukum terima akad nikah dan terima melalui wakalah adalah sah disisi hukum syarak jika memenuhi syarat dan rukun wakalah.

### **3. TERBATAL WAKALAH DENGAN BEBERAPA SEBAB ANTARANYA IALAH :**

- a. wakalah ini boleh terbatal sekiranya orang yang berwakil itu menarik wakalahnya;
- b. wakalah ini boleh terbatal sekiranya orang yang menerima wakalah itu menolak balik penerimaannya; dan
- c. wakalah ini boleh terbatal sekiranya orang yang berwakil dan yang menerima wakil itu pitam, gila, mati atau murtad.

### **4. PELAKSANAAN MAJLIS AKAD NIKAH SECARA WAKALAH PENGANTIN LELAKI**

- a. Pelaksanaan Majlis Akad Nikah secara wakalah ini akan dilaksanakan di Pejabat Agama Islam Daerah (PAID).
- b. Tarikh dan masa Majlis Akad Nikah akan ditetapkan oleh Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) dan akan dimaklumkan kepada pemohon.
- c. Pengantin lelaki perlu bersedia pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan oleh PAID bagi mewakilkan lafaz qabul kepada wakilnya.
- d. Lafaz qabul akan diwakilkan kepada kakitangan PAID. Contoh lafaz Wakalah Pengantin Lelaki Kepada Wakilnya, sila rujuk **JADUAL 2**.

## 5. SYARAT-SYARAT UMUM

- a. Pelaksanaan Majlis Akad Nikah melalui wakalah ini **HANYA** dibenarkan kepada pasangan yang **telah mendapat Kebenaran Berkahwin** dari kedua-dua belah pihak yang dikeluarkan oleh Pejabat Agama Islam Daerah (PAID);
- b. Bakal Pengantin Lelaki dan Perempuan yang ingin melaksanakan akad nikah secara wakalah hendaklah memohon kebenaran dan mendapat kelulusan daripada Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) yang mengeluarkan Kebenaran Berkahwin melalui borang yang ditetapkan. (*Borang Permohonan Akad Nikah Melalui Wakalah Pengantin Lelaki*); dan
- c. Semua dokumen berkaitan Majlis Akad Nikah hendaklah disemak, direkod dan disimpan dengan baik dan rapi oleh Pejabat Agama Islam Daerah yang menguruskan akad nikah untuk tujuan pendaftaran perkahwinan.

## 6. SYARAT-SYARAT KHUSUS

- a. Terdapat halangan untuk melakukan akad nikah di tempat yang ditetapkan kerana berjauhan seperti berada di luar Negara / Daerah / Negeri dan sukar bagi kedua-dua belah pihak berada dalam satu majlis yang sama disebabkan sakit, banjir dan sebagainya;
- b. Lelaki dan Perempuan yang akan berkahwin tidak mempunyai gejala atau positif penyakit berjangkit. Sekiranya salah seorang bakal pengantin positif sesuatu penyakit, maka akad nikah tidak boleh diteruskan;
- c. Pihak-pihak yang terlibat iaitu bakal pengantin lelaki berada di kediamannya, manakala bakal pengantin perempuan, wakil pengantin lelaki, wali, saksi dan jurunikah berada di premis Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) semasa akad nikah melalui wakalah pengantin lelaki ini diadakan; dan
- d. Mematuhi semua *Standard Operating Procedure* (SOP) dan Garis Panduan yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan lain-lain agensi penguatkuasaan berhubung kawalan penularan wabak ini.

## 7. TINDAKAN SEBELUM AKAD NIKAH

- 7.1 Sebelum Majlis Akad Nikah dilaksanakan melalui wakalah ini, Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) hendaklah memastikan Surat Kebenaran Berkahwin telah diperolehi;
- 7.2 Pihak-pihak yang terlibat iaitu Pengantin Lelaki, Wakil Pengantin Lelaki, Pengantin Perempuan, Wali / Wakil Wali, dan Saksi-Saksi hendaklah berada dalam satu majlis (*ittihad al-majlis*) secara serentak dalam waktu nyata (*real time*);

- 7.3 Rukun Nikah dan syarat-syarat sah nikah dipatuhi;
- 7.4 Semua dokumen berkaitan Kebenaran Berkahwin adalah betul dan lengkap (Contoh: *Wakalah Wali perlu ada sekiranya wali tidak hadir dalam majlis akad nikah, salinan kad pengenalan wali dan salinan kad pengenalan saksi*); dan
- 7.5 Semua pihak yang terlibat dapat mendengar dan melihat dengan jelas keadaan semasa majlis akad nikah.

## **8. TINDAKAN SEMASA AKAD NIKAH**

- 8.1 Semasa Akad Nikah melalui wakalah ini dijalankan, Pegawai Agama Daerah hendaklah memastikan lafaz wakalah telah dibaca oleh pengantin lelaki kepada wakilnya dan *qabul* dibuat oleh wakil pengantin lelaki secara langsung, jelas didengar dan berturutan melalui *video call* sebelum akad nikah dilakukan.
- 8.2 Kaedah Majlis Akad Nikah, lafaz *ijab* dan *qabul* serta maklumat terperinci berkaitan pelaksanaan akad nikah melalui wakalah pengantin lelaki hendaklah dicatatkan di dalam Surat Perakuan Nikah Sementara tersebut. (Contoh catatan – Jurunikah, Pengantin Perempuan, Wakil Pengantin Lelaki dan Wali berada di Pejabat Agama Islam Daerah (PAID). Manakala Pengantin Lelaki pula berada di Damansara dan lain-lain yang berkaitan).

## **9. TINDAKAN SELEPAS AKAD NIKAH**

- 9.1 Pegawai Agama Daerah hendaklah menyerahkan Surat Perakuan Nikah (*original*) kepada Pengantin Perempuan.
- 9.2 Mas kahwin hendaklah dicatat sebagai tunai sekiranya pengantin lelaki membayar mas kahwin dalam majlis akad nikah (contoh: pindahan wang segera kepada perempuan dan wang tunai hendaklah berada dalam Majlis Akad Nikah tersebut) atau dicatat sebagai hutang sekiranya bayaran tersebut ditangguhkan.
- 9.3 Pegawai Agama Daerah menurunkan tandatangan dan cap rasmi jawatan pada Surat Perakuan Nikah (*original*).

## **10. PENUTUP**

Garis Panduan ini tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa

**PENGARAH**  
**JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH (JHEAIK)**  
**12 MEI 2020**

# JADUAL 1

## SENARAI EMEL PEJABAT AGAMA ISLAM DAERAH (PAID) SELURUH NEGERI KEDAH DARUL AMAN

<b>PEJABAT AGAMA ISLAM DAERAH (PAID)</b>	<b>EMEL</b>
Pejabat Agama Islam Daerah Kota Setar	<a href="mailto:padks@kedah.gov.my">padks@kedah.gov.my</a>
Pejabat Agama Islam Daerah Kubang Pasu	<a href="mailto:padkp@kedah.gov.my">padkp@kedah.gov.my</a>
Pejabat Agama Islam Daerah Pendang	<a href="mailto:padp@kedah.gov.my">padp@kedah.gov.my</a>
Pejabat Agama Islam Daerah Yan	<a href="mailto:pady@kedah.gov.my">pady@kedah.gov.my</a>
Pejabat Agama Islam Daerah Padang Terap	<a href="mailto:padpt@kedah.gov.my">padpt@kedah.gov.my</a>
Pejabat Agama Islam Daerah Pokok Sena	<a href="mailto:padps@kedah.gov.my">padps@kedah.gov.my</a>
Pejabat Agama Islam Daerah Kuala Muda	<a href="mailto:padkm@kedah.gov.my">padkm@kedah.gov.my</a>
Pejabat Agama Islam Daerah Langkawi	<a href="mailto:padl@kedah.gov.my">padl@kedah.gov.my</a>
Pejabat Agama Islam Daerah Baling	<a href="mailto:padb@kedah.gov.my">padb@kedah.gov.my</a>
Pejabat Agama Islam Daerah Sik	<a href="mailto:pads@kedah.gov.my">pads@kedah.gov.my</a>
Pejabat Agama Islam Daerah Bandar Baharu	<a href="mailto:padbb@kedah.gov.my">padbb@kedah.gov.my</a>
Pejabat Agama Islam Daerah Kulim	<a href="mailto:padk@kedah.gov.my">padk@kedah.gov.my</a>

## CONTOH LAFAZ BERKAITAN WAKALAH

### A. Lafaz Wakalah Pengantin Lelaki Kepada Wakilnya :

“ Saya ..... (nama pengantin lelaki) .....  
mewakulkan kepada tuan / kamu ..... (nama wakil)  
..... untuk menerima nikah bagi pihak diri saya dengan  
..... (nama pengantin perempuan) .....  
dengan mas kahwinnya ..... tunai / hutang.

### B. Lafaz Terima Wakalah Pengantin Lelaki Oleh Wakil Pengantin Lelaki :

“ Saya ..... (nama wakil) ..... bersetuju  
menjadi wakil kepada tuan / kamu ..... (nama pengantin lelaki)  
..... untuk menerima nikah bagi pihak tuan / kamu  
..... (nama pengantin lelaki) dengan  
..... (nama pengantin perempuan) .....  
dengan mas kahwinnya ..... tunai / hutang.

### C. Lafaz Akad Nikah Melalui Wakalah Oleh Pendaftar :

“ Aku nikah dan aku kahwin akan ..... (nama pengantin lelaki) .....  
yang berwakil ia akan dikau pada menerimanya akan ..... (nama pengantin  
perempuan) ..... menjadi isterinya dengan mas kahwinnya  
..... tunai / hutang.

### D. Lafaz Terima Nikah Oleh Wakil Pengantin :

“ Aku terima akan nikahnya ..... (nama pengantin perempuan) .....  
bagi yang dirinya ..... (nama pengantin lelaki) ..... dengan mas  
kahwinnya ..... tunai / hutang.

atau

“ Aku terima akan nikahnya ..... (nama pengantin perempuan) .....  
bagi yang berwakalah akan daku ..... (nama pengantin lelaki) .....  
dengan mas kahwinnya ..... tunai / hutang.



**BORANG PERMOHONAN AKAD NIKAH MELALUI WAKALAH PENGANTIN LELAKI  
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH**

**BAHAGIAN A : MAKLUMAT PENGANTIN LELAKI**

Nama : .....  
No. K/P Baru/Passport : .....  
No. Tel : .....

**BAHAGIAN B : MAKLUMAT PENGANTIN PEREMPUAN**

Nama : .....  
No. K/P Baru/Passport : .....  
No. Tel : .....

**BAHAGIAN C : MAKLUMAT WAKIL PENGANTIN LELAKI**

Nama : .....  
No. K/P Baru/Passport : .....  
No. Tel : .....

**BAHAGIAN D : MAKLUMAT CADANGAN AKAD NIKAH**

Kebenaran Berkahwin Kedah      ADA        Tarikh Kebenaran Dikeluarkan : .....

TIADA        \*Tidak dibenarkan akad nikah melalui wakalah

Sebab Akad Nikah melalui      : .....  
Wakalah      : .....

**Lokasi Semasa Akad Nikah:**      : .....

Pengantin Lelaki      : .....

Wakil Pengantin Lelaki      : .....

Pengantin Perempuan      : .....

Wali      : .....

Jurunikah      : .....

Saksi Pertama (1)      : .....

Saksi Kedua (2)      : .....



**BAHAGIAN D : PENGAKUAN PEMOHON**

Saya dengan ini sesungguhnya mengaku bahawa segala maklumat yang terkandung dalam borang ini adalah benar. Saya juga mengaku bahawa saya telah mendapat Kebenaran Berkahwin dari Pejabat Agama Islam Daerah ..... dan Pernikahan melalui wakalah ini adalah melalui kerelaan sendiri tanpa paksaan mana-mana pihak. Saya juga bersetuju untuk mematuhi segala peraturan dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan. Sekiranya maklumat ini palsu maka saya boleh didakwa dan disabitkan di bawah seksyen 38, Akuan atau pernyataan palsu untuk mendapatkan perkahwinan, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2008.

Tandatangan Pemohon : .....

Nama : .....

Tarikh : .....

**BAHAGIAN E : PENGESAHAN PENDAFTAR / PENOLONG PENDAFTAR NIKAH, CERAI RUJU'  
NEGERI KEDAH**

Saya mengesahkan bahawa pemohon tersebut telah mendapat Kebenaran Berkahwin dari Pejabat Agama Islam Daerah ..... dan pemohon telah bersetuju untuk menjalankan akad nikah melalui wakalah.

Tandatangan Pemohon : .....

Nama : .....

Tarikh : .....

Cap Rasmi : .....

**BAHAGIAN F : PENGESAHAN PEGAWAI AGAMA DAERAH**

Permohonan ini : LULUS / TIDAK LULUS

Catatan : .....

Tandatangan : .....

Nama : .....

Tarikh : ..... Cap Rasmi :